

15 OCT 2000

PPP-Kerusi

BANYAK ANGGOTA PPP KECEWA KERANA PARTI TIDAK DIBERI KERUSI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas berkata kebanyakan anggota parti berasa kecewa kerana PPP tidak diberi kerusi Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk ditandinginya pada pilihan raya.

Beliau berharap Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mempertimbangkan perkara itu sebaik mungkin.

"Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertimbangkan supaya PPP diberi kerusi adalah kenyataan yang ikhlas dan kami berharap parti komponen BN yang lain akan memahaminya," kata beliau kepada pemberita selepas menutup Perhimpunan Agung ke-47 PPP di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir, ketika merasmikan perhimpunan itu semalam, memberitahu pemberita kemudiannya bahawa permintaan PPP untuk diberi kerusi Parlimen dan DUN akan dipertimbangkan.

Kayveas berkata semua parti komponen BN perlu memahami dan mengakui kekuatan PPP yang kini mempunyai 300,000 anggota dan telah memberikan sokongan padu kepada semua calon BN.

Beliau berkata PPP juga mempunyai calon yang berkaliber dan berupaya memikul sebarang tugas seperti menjadi wakil rakyat mahupun menteri dalam Kabinet.

"Saya rasa sudah sampai masanya dan apa salah kalau ada menteri dari PPP," katanya.

Ditanya adakah pihak lain yang cuba menghalang pelantikan anggota PPP untuk dilantik memegang jawatan dalam Kabinet, Kayveas berkata perkara itu mungkin berlaku.

Beliau berkata pada perhimpunan agung kali ini ada pihak yang membuat usul supaya PPP keluar dari BN kerana kecewa PPP tidak diberi sebarang kerusi.

Bagaimanapun, usul itu ditolak, kata beliau.

"Selagi saya menjadi presiden PPP, perkara itu tidak akan berlaku. Kami setia penuh kepada BN," katanya.

-- BERNAMA

APG AZZ AKD